

ISU HERET AKHYAR KE CAS

Penyokong mula sangsi niat KFA

13/HARIAN

7/3/2019 MS 79

Kuala Lumpur: Tindakan Per-satuan Bolasepak Kedah (KFA) yang terus ‘membisu’ mengenai kes bekas bintangnya, Akhyar Rashid sama ada mahu menghe-retnya ke Mahkamah Timbang Tara Sukan (CAS) atau tidak, menimbulkan tanda tanya dalam kalangan penyokong skuad Helang Merah.

Malah, situasi itu dilihat menimbulkan keresahan dalam kalangan penyokong yang mula sangsi sama ada KFA serius mengheret kes itu ke mahka-mah atau sekadar melakukan gimik semata-mata.

Wakil jurucakap Kelab-Kelab Penyokong Bolasepak Kedah

(G32) Safarizal Mohd Sobri menjelaskan, mereka mempunyai hak sebagai penyokong untuk mengetahui sebarang perkem-bangan mengenai kes terbabit.

“Sebelum ini, kami dimak-lumkan kes terbabit sudah dikendalikan oleh peguam yang dilantik KFA, jadi pengurus menyerahkan semuanya kepada peguam terbabit dan mereka tidak boleh mengeluarkan seba-rang komen.

‘Drama’ tercetus

“Kami menghormati keputusan KFA dan peguam yang tidak mahu memaklumkan per-kembangan itu secara terbuka

kepada media namun sebagai penyokong, mungkin KFA boleh memaklumkan serba sedikit mengenai perkembangan kes itu.

“Kami hanya mahu tahu setakat mana kes terbabit sudah dibawa ketika ini,” kata-nya ketika dihubungi BH Sukan semalam.

Sementara itu, percubaan BH Sukan untuk mendapatkan Setiausaha Kehormat KFA, Mohd Asmirul Anuar Aris gagal selepas tidak menjawab panggilan daripada semalam dan pertanyaan menerusi aplikasi pesanan WhatsApp tidak mendapat maklum balas.

Terdahulu, ‘drama’ terce-tus apabila KFA mengesahkan bintang muda itu diintai Johor Darul Ta’zim (JDT) namun din-aikan Pengarah Teknikal JDT, Alistair Edwards yang mengaku pihaknya sedar mengenai kontrak yang dimiliki pemain terbabit.

Bagaimanapun, Persatu-an Bolasepak Malaysia (FAM) kemudiannya membenarkan Akhyar menebus baki kon-traknya selama setahun berni-lai RM210,000 dan pampasan latihan sebanyak RM75,000 kepada mana mana pasukan yang mahu mendapatkan khid-matnya.